

Newspaper	Berita Harian
Date	20/01/2013

'Siasat kes edar Bible'

BH-20/1/2013

» Polis diminta ambil tindakan cubaan sebar Kristian kepada pelajar

Norfatimah Ahmad dan
Khairul Anuar Abdul Samad
bhnews@bharian.com.my

▀ Kuala Lumpur

Polis diminta menyiasat perbuatan pihak yang tidak bertanggungjawab menyebarkan Bible berbahasa Inggeris yang mengandungi tulisan Jawi kepada pelajar beragama Islam di sebuah sekolah menengah di Pulau Pinang.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom, berkata tindakan susulan itu penting supaya sensitiviti dan provokasi dapat dipelihara dan tidak mendorong kepada pertelingkahan.

"Kita perlu berpegang kepada peruntukan undang-undang sedia ada kerana Perkara 11 (4) Perlembagaan tidak membenarkan sesiapa menarik umat Islam untuk menganuti agama lain," katanya selepas majlis perasmian Seminar Nusantara - Islam di Asia Tenggara: Cabaran dan Harapan di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini, semalam.

Beliau mengulas tindakan dua lelaki yang dikesan mengedar Bible bahasa Inggeris itu dipercayai untuk menyebarkan agama Kristian di kalangan pelajar Islam, di hadapan sebuah sekolah mene-



Jamil Khir, (dua dari kanan) bersama Pengerusi FELDA, Tan Sri Mohd Isa Samad (dua dari kiri) pada majlis pelancaran Seminar Nusantara - Islam di Asia Tenggara: Cabaran dan Harapan di Pusat Dagangan Dunia Putra di Kuala Lumpur, semalam. [FOTO FARIZUL HAFIZ AWANG/BH]

ngah di Jelutong, pada jam 12.30 tengah hari, Khamis lalu.

Lelaki terbabit didapati mengedar Bible berkenaan kepada kira-kira 50 pelajar yang masuk dan keluar sekolah ketika waktu pertukaran sesi persekolahan pagi dan petang sekolah terbabit.

Tindakan undang-undang

Jamil Khir berkata, kejadian seumpama itu pernah berlaku di Johor pada 2002 dan tindakan undang-undang diambil dan percaraan dijalankan mengikut bidang kuasa mahkamah sivil.

Di Tumpat, Timbalan Menteri Pelajaran, Dr Mohd Puad Zarkashi juga menyerahkan

kepada polis untuk menyiasat dan mengambil tindakan terhadap pihak terbabit.

"Kejadian seperti ini sengaja dilakukan pihak tertentu untuk menimbulkan provokasi, selain memanaskan keadaan akibat tindakan Setiausaha Agung DAP, Lim Guan Eng baru-baru ini yang meminta supaya dibenarkan kalimah Allah dalam Bible dalam bahasa Melayu.

"Disebabkan Guan Eng yang memulakan isu kalimah Allah dalam Bible bahasa Melayu, saya berharap Ketua Menteri Pulau Pinang itu bertanggungjawab atas apa yang berlaku," katanya kepada pemberita selepas Majlis Penyampaian Bantuan Awal Per-

sekolahan 2013, di Sekolah Kebangsaan (SK) Bunohan, di sini, semalam.

Mengenai bantuan awal persekolahan, Mohd Puad kesal dengan tindakan Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) sebuah sekolah kebangsaan Tamil di Johor, Khamis lalu, yang membuka kaunter pada majlis penyampaian bantuan awal persekolahan dengan meminta ibu bapa membayar yuran komputer RM100.

"Perbuatan itu melanggar pekeliling Kementerian Pelajaran dan saya sudah mengarahkan pegawai membuat siasatan selain meminta Jabatan Pelajaran Negeri (JPN) berkenaan mengambil tindakan terhadap kejadian ini," katanya.